

## Tahap Kemahiran Generik Pelajar dalam Pembelajaran Kesusasteraan Melayu

Zamri Mahamod<sup>a</sup>, Noor Syazwani Roni<sup>a</sup>

<sup>a</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM, Bangi, Selangor, Malaysia

Corresponding author: d-zam@ukm.my

### Article history

Received :7 February 2013

Received in revised form :

9 July 2013

Accepted :15 August 2013

### Abstract

This study was conducted to determine the level of students' generic skill of Malay Literature learning. Among the elements of generic skills who wish to review are communication skills, ICT skills, leadership skills, teamwork skills, and critical thinking and problem solving skills. This research is to see the difference with generic skills based on gender. A total of 295 Form 4 students who took Malay Literature subject as an elective subject in Tumpat, Kelantan made respondents. The questionnaire used in this study to collect data. Data were analyzed using SPSS version 18 as a tool for data descriptive descriptive and inferential. The result shows students generic skills in the medium level. In addition, there were significant differences between students' generic skills genders  $t(295) = 2236, p < 0.05$ . The implication study are generic skills in students to help them prepare to compete for jobs in the future.

*Keywords:* Generic skills; Malay Literature; teaching and learning

### Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap kemahiran generik murid ketika mempelajari Kesusasteraan Melayu (KM). Antara elemen kemahiran generik yang ingin dikenal pasti ialah kemahiran berkomunikasi, kemahiran Teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), kemahiran kepimpinan, kemahiran kerja berpasukan, dan pemikiran kritis serta kemahiran menyelesaikan masalah. Kajian ini juga ingin melihat perbezaan kemahiran generik berdasarkan jantina. Seramai 295 orang murid tingkatan empat yang mengambil mata pelajaran KM sebagai subjek elektif di daerah Tumpat, Kelantan dijadikan responden kajian. Soal selidik digunakan sebagai alat kajian untuk mengutip data. Data dianalisis menggunakan SPSS versi 18 sebagai alat untuk pemerihalan data deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian menunjukkan tahap kemahiran generik murid berada di tahap yang sederhana. Selain itu, terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran generik dengan jantina murid  $t(295) = 2.236, p < 0.05$ . Implikasi kajian ialah guru perlu menerapkan kemahiran generik ke dalam diri murid supaya mereka dapat mempersiapkan diri untuk bersaing untuk mendapatkan pekerjaan kelak.

*Kata kunci:* Kemahiran generik; Kesusasteraan Melayu; pengajaran dan pembelajaran

© 2013 Penerbit UTM Press. All rights reserved.

### 1.0 PENGENALAN

Sistem pendidikan di Malaysia kini berkembang pesat seiring dengan era globalisasi yang semakin membangun pantas kilat. Sebagaimana yang diketahui umum, kelahiran generasi yang beretika, berinovasi, kreatif dan berpendidikan terletak di tangan warga guru. Boleh juga dikatakan guru merupakan orang yang bertanggungjawab untuk melahirkan bakal ketua negara dan generasi yang berbakat serta berilmu pengetahuan. Seringkali kita dikejutkan dengan pelbagai perubahan dalam sistem pendidikan untuk menerajui perkembangan teknologi dan maklumat masa kini. Kita akan ketinggalan jauh pemudahcaraan, kemahiran belajar, kemahiran menilai dan menaksir dalam pengajaran, dan tidak kurang pentingnya kemahiran Teknologi Maklumat Komunikasi (Zamri & Mohamed Amin 2008).

Di Malaysia, konsep kemahiran generik telah diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam beberapa mata pelajaran dan juga program Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) (1999). Perubahan ini adalah perlu kerana setiap perubahan yang berlaku adalah untuk memberi satu bentuk pendidikan yang berkualiti dan bermakna kepada murid. Misalnya, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang digubal mempunyai matlamat ingin menghasilkan warganegara yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran negara (Abu Bakar & Ikhsan 2003).

Kemahiran generik yang ingin diterapkan kepada murid perlu dipertimbangkan supaya relevan, berguna dan tahan lama serta boleh menguatkan sistem pendidikan agar mampu untuk menjadi

asas kepada sokongan pembelajaran sepanjang hayat (Mohd Safarin & Kamaruddin 2004). Menurut mereka lagi, kemahiran generik hendaklah berfaedah dan penting untuk murid menceburi semua bidang kerjaya dan memenuhi keperluan majikan masa kini. Kemahiran generik ini adalah sesuatu yang realistik dan penting untuk dibangunkan dan ditaksir. Kemahiran-kemahiran ini sangat diperlukan oleh semua sektor untuk menjadikan pelajar dan pekerja lebih efektif dan berkesan (Rodiah, Siti Rahayah & Noriah 2008).

## ■2.0 KEMAHIRAN GENERIK DALAM KESUSASTERAAN MELAYU

Kemahiran generik merupakan kemahiran yang perlu ada pada setiap murid. Kemahiran generik merupakan kemahiran yang tidak hanya tertumpu pada perkara-perkara yang mereka pelajari dalam bidang mereka (Lizzio & Wilson 2004). Kemahiran ini termasuklah kemahiran berkomunikasi, kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran menyelesaikan masalah. Bagi melahirkan murid yang mempunyai elemen-elemen yang menggalakkan perkembangan kemahiran ini, pihak guru perlu menerapkan kemahiran ini dalam diri setiap murid melalui proses P&P. Penilaian dua ganjaran juga perlu diberikan kepada mereka yang menguasai elemen-elemen kemahiran generik.

Kerangka konseptual kajian ini adalah berdasarkan kepada model kemahiran generik oleh PPK. Mengikut PPK (1999), Program Sekolah ke Kerjaya ialah program pendidikan dan latihan tempat kerja bagi mengembangkan potensi murid dengan membekalkan mereka pengetahuan dan kemahiran boleh digunakan melalui pengalaman tempat kerja. Dalam program ini, selain daripada kemahiran teknikal, kemahiran generik juga adalah diharapkan dapat diaplikasikan di tempat kerja agar murid-murid tersebut menjadi seorang pekerja yang cekap dan produktif.

Di samping mempunyai kemahiran khusus, para murid juga perlu ada kemahiran generik bagi melaksanakan tugas dengan sempurna. PPK (1999) telah menyenaraikan lapan kemahiran generik yang dikenal pasti perlu untuk murid. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya ingin memfokuskan kepada lima elemen kemahiran generik sahaja, iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran TMK, kemahiran kerja berkumpulan, pemikiran kritis, kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran kepimpinan. Kelima-lima kemahiran generik ini lebih sesuai untuk mengukur keupayaan murid dalam pembelajaran (Zamri, Anisah & Nur Ehsan 2012; Zamri & Umi Nadiyah 2012).

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran (P&P) Kesusasteraan Melayu, kajian tentang kemahiran generik kurang dijalankan. Satu-satunya kajian kemahiran generik dilakukan oleh Noor Syazwani (2013). Jika ada, kebanyakan kajian P&P KM lebih berfokus kepada pendekatan masteri (Dayang Aidah 2010), pembangunan perisian multimedia (Nur Aisyah 2011), amalan metakognitif (Shafee 2012), kemahiran abad ke-21 (Nurul Ain 2012), guru cemerlang KM (Nik Nor Azimah 2011, Nordin 2011) dan pendekatan kontekstual (Mohd Shah Rizal 2013). Sebaliknya, terdapat kajian tentang kemahiran generik dalam P&P Bahasa Melayu seperti Anisah (2010), Umi Nadiyah (2011) dan sebagainya. Atas sebab itu, kajian ini dilakukan sebagai satu cara memperbanyakkan kajian kemahiran generik dalam P&P KM di Malaysia.

## ■3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Secara khusus objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- (1) Mengetahui tahap kemahiran generik dalam kalangan murid ketika mempelajari KM.

- (2) Mengetahui perbezaan kemahiran generik antara jantina murid.

## ■4.0 METODOLOGI

Reka bentuk kajian ini ialah kaedah kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai alat pengumpulan data. Soal selidik digunakan adalah untuk mengenal pasti kemahiran generik yang diterapkan kepada murid semasa proses pembelajaran KM. Kaedah penyelidikan kuantitatif dipilih kerana kaedah ini dapat menerangkan sesuatu fenomena dalam bentuk angka dan ukuran Mohd Majid (2000). Kaedah tinjauan dipilih kerana kaedah ini sesuai untuk ditadbir terhadap sampel dalam masa yang terhad.

Populasi kajian ini terdiri daripada murid tingkatan 4 yang mengambil mata pelajaran KM sebagai subjek elektif di sekolah-sekolah di daerah Tumpat, Kelantan. Kesemua responden adalah seramai 295 orang pelajar di enam buah sekolah menengah di daerah Tumpat, Kelantan. Semua responden ini dipilih secara rawak mudah. Hal ini kerana bilangan murid tingkatan 4 yang mengambil subjek elektif KM ini adalah terlalu sedikit. Atas justifikasi tersebut, semua 295 responden tersebut dijadikan sampel kajian. Enam buah sekolah tersebut ialah SMK Chabang Empat, SMK Genting dan SMK Dato' Bijiwangsa, SMK Wakaf Bharu, SMK Kampung Laut dan SMK Sungai Pinang.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah terdiri daripada satu set soal selidik yang dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian A ialah soalan yang berkaitan dengan demografi responden. Bahagian B berkaitan dengan kemahiran generik yang disepadukan oleh murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran sastera. Instrumen ini diubah suai daripada kajian Anisah (2010) dan Umi Nadiyah (2011) yang mengkaji kemahiran generik dalam kalangan murid ketika belajar Bahasa Melayu.

Pengkaji menganalisis data kuantitatif dengan menggunakan perisian SPSS versi 18 di mana data dianalisis secara statistik deskriptif dan inferensi. Penentuan julat tanda aras skor min berpandukan kepada skala yang digunakan di dalam instrumen kajian (skala lima likert) (1 = Sangat tidak setuju, 2 = Tidak setuju, 3 = Tidak pasti, 4 = Setuju, 5 = Sangat setuju) dan dibahagikan kepada empat tahap, iaitu tahap lemah (1.00 – 1.99), rendah (2.00 – 2.99), sederhana (3.00 – 3.99) dan tinggi (4.00 – 5.00) yang diadaptasi dan dimodifikasi daripada Norazidawati (2011).


## ■5.0 DAPATAN KAJIAN

### 5.1 Tahap Kemahiran Generik Murid dalam Pembelajaran Kesusasteraan Melayu

Berdasarkan Jadual 1 dan Rajah 1 menunjukkan analisis lima dimensi kemahiran generik yang dikaji, iaitu dimensi kemahiran pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran komunikasi, kemahiran kepimpinan dan kemahiran TMK. Dapatan menunjukkan dimensi kemahiran kerja berpasukan berada pada tahap tinggi iaitu nilai min 4.15. Manakala empat dimensi lain berada di tahap sederhana iaitu kemahiran kepimpinan (min=3.92), kemahiran ICT (min=3.76), kemahiran pemikiran kritikal & penyelesaian masalah (min=3.77) dan kemahiran komunikasi (min=3.74). Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan kemahiran generik yang diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu adalah pada tahap sederhana iaitu min = 3.87.

**Jadual 1** Analisis min dan sisihan piawai bagi kemahiran generik

Kemahiran Generik	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi skor
-Kemahiran Pemikiran Kritikal & Penyelesaian Masalah	3.77	.514	Sederhana
-Kemahiran Kerja Berpasukan	4.15	.566	Tinggi
-Kemahiran Komunikasi	3.74	.578	Sederhana
-Kemahiran Kepimpinan	3.92	.656	Sederhana
-Kemahiran ICT	3.76	.675	Sederhana
<b>Keseluruhan</b>	<b>3.87</b>	<b>.481</b>	<b>Sederhana</b>

**Rajah 1** Taburan min bagi dimensi kemahiran generik

## 6.2 Perbezaan Kemahiran Generik berdasarkan Jantina

Jadual 2 menunjukkan min murid perempuan (3.91) adalah lebih tinggi berbanding min murid lelaki (3.78). Hal ini menunjukkan

bahawa terdapat perbezaan min yang signifikan antara kemahiran generik berdasarkan jantina dengan nilai-t (295) = 2.236,  $p < 0.05$ . Oleh itu, kemahiran generik antara murid lelaki dan murid perempuan adalah berbeza dan hipotesis nol adalah ditolak.

**Jadual 2** Hasil ujian-t perbezaan kemahiran generik berdasarkan jantina

	Lelaki		Perempuan		Nilai- t	Sig.
	Min	Sisihan piawai	Min	SD		
Kemahiran Generik	3.78	0.491	3.91	0.470	2.236	0.026**

## 7.0 PERBINCANGAN

### 7.1 Tahap Kemahiran Generik Pelajar dalam Subjek Kesusasteraan Melayu

#### a. Kemahiran Pemikiran Kritikal dan Penyelesaian Masalah

Secara keseluruhan, kemahiran pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah dalam kalangan murid berada pada tahap sederhana. Hal ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Mohamad Mohsin dan Nasaruddin (2008), menghuraikan halangan yang dihadapi oleh guru dalam usaha memupuk kreativiti murid dalam bilik darjah. Antara halangan yang dibincangkan ialah halangan dari sudut sistem pendidikan, tingkah laku pengajaran guru dalam bilik darjah dan rakan sebaya. Dari sudut sistem pendidikan, penekanan pembelajaran di sekolah yang masih lagi tertumpu kepada fakta-fakta untuk dihafal dan seterusnya digunakan dalam peperiksaan, lantaran itu

aspek pemikiran sama ada kreatif atau kritis dipinggirkan. Selain daripada itu, penekanan kepada peperiksaan, terutamanya peperiksaan yang standar bagi keseluruhan murid pada akhir tahun KBSR dan KBSM juga telah menyebabkan guru lebih cenderung untuk melaksanakan proses pengajaran yang berpusatkan guru kerana kaedah pengajaran yang berpusatkan guru terbukti lebih berkesan untuk menghasilkan murid yang akan mendapat markah yang tinggi dalam peperiksaan. Justeru, guru-guru KM perlu menggalakkan murid-muridnya berfikir secara kritis dan menyelesaikan sesuatu masalah semasa pembelajaran KM melalui pelbagai kaedah pembelajaran seperti perbincangan berkumpulan, soal jawab dan lain-lain. Dengan cara ini, guru dapat menggalakkan murid-murid untuk berfikir secara kritis sesuatu tugas KM yang guru berikan. Sikap terlalu bergantung pada guru dikurangkan, sebaliknya murid lebih aktif berbincang dan menyelesaikan masalah berdasarkan tajuk atau tugas perlu perbincangan dengan cepat dan berkesan.

### b. Kemahiran Komunikasi

Secara keseluruhan, dimensi kemahiran komunikasi murid berada pada tahap sederhana. Kajian berkaitan kemahiran berkomunikasi juga turut dijalankan oleh Rohaidah, Maarof dan Hawa (2008). Kemahiran komunikasi merupakan salah satu elemen penting dalam membentuk kemahiran insaniah. Kecenderungan masyarakat untuk berkomunikasi dengan lebih berkesan hanya akan dapat dinilai apabila kedua-dua pihak difahami dengan jelas maka komunikasi tersebut perlu dimulakan dengan kesantunan berbahasa. Kesantunan berbahasa dalam konteks ini memberi maksud sebagai kesopanan dan kehalusan dalam menggunakan bahasa ketika berkomunikasi sama ada melalui lisan atau tulisan kepada orang yang dihormati, orang yang setaraf dengan kita atau orang yang lebih rendah kedudukannya daripada kita. Dalam kajian ini, konsep kesantunan berbahasa yang diberikan perhatian adalah daripada segi penggunaan kata panggilan atau kata sapaan yang digunakan oleh individu tersebut semasa berkomunikasi.

### c. Kemahiran Kepimpinan

Secara keseluruhan, kemahiran kepimpinan juga berada pada tahap yang sederhana. Nor Azilah (2008) berpendapat bahawa perlunya satu usaha untuk menangani isu dan cabaran dengan segera bagi pembentukan nilai-nilai kepimpinan yang berkualiti untuk pembangunan generasi masa hadapan negara. Segala isu dan cabaran yang berlaku akan diperhalusi dan dibincangkan berdasarkan kepada pemerhatian dan kajian deskriptif yang dilakukan oleh penulis terhadap permasalahan semasa kepimpinan. Justeru, guru KM perlu mendidik murid-murid tentang kemahiran kepimpinan, sama ada secara langsung dalam mata pelajaran KM ataupun dikaitkan dengan kehidupan mereka di luar bilik darjah.

### d. Kemahiran TMK

Kemahiran TMK murid secara keseluruhan berada pada tahap sederhana. Hal ini disokong oleh Normala, Zaliha, dan Mohamad (2005), mendapati tahap literasi komputer murid sekolah menengah di negeri Kedah adalah sederhana tinggi iaitu 66.67 peratus sahaja. Fenomena ini membimbangkan kerana jika min tahap literasi komputer berada kurang daripada 50 peratus, maka murid menghadapi tahap buta komputer. Mereka juga menjelaskan bahawa tidak terdapat perhubungan di antara sikap dengan kemahiran literasi komputer. Punca bagi tahap literasi komputer yang rendah dijelaskan dalam Robiah *et al.* (2001) yang melaporkan murid berpendapat bahawa guru jarang mengaplikasikan komputer dan Internet dalam pengajaran dan pembelajaran. Penyelidikan oleh Zaitun dan Doriyah (2011) mendapati kekerapan guru menggunakan perisian pendidikan yang disediakan KPM berada pada tahap rendah. Oleh itu, guru-guru KM disarankan banyak menggunakan aplikasi komputer dan Internet sebagai sebahagian daripada kaedah pengajaran. Misalnya, guru KM boleh meminta murid-murid mencari bahan-bahan berkaitan dengan tajuk yang diajar di Internet dan seterusnya membincangkan hasil pencarian bahan di Internet tersebut di dalam bilik darjah pada sesi P&P berikutnya.

### e. Kemahiran Kerja Berpasukan

Berdasarkan kepada lima elemen kemahiran generik yang diukur, elemen kemahiran kerja berpasukan sahaja yang berada pada tahap tinggi. Hal ini disokong oleh kajian Mashitah (2008), iaitu tinjauan awalan dan pengalaman Universiti Sains Islam Malaysia menerapkan asas kemahiran kerja berpasukan dalam pengajaran

dan pembelajaran kursus Hubungan Etnik. Kerja berpasukan boleh dirumuskan sebagai kerja yang dilaksanakan oleh sekumpulan pekerja dalam organisasi yang menjalankan tugas secara berganding bahu antara satu sama lain dan sama-sama bergabung bagi mencapai matlamat kumpulan. Antara perkara asas yang perlu ada dalam kerja berpasukan ialah keikhlasan niat, kejujuran bekerja, ketulusan berkomunikasi, bertimbang rasa berdasarkan semangat persaudaraan dan memelihara keharmonian. Dalam pembelajaran KM, seharusnya guru KM menerapkan kemahiran kerja berpasukan ini sebagai salah satu kaedah pengajaran guru. Sekiranya murid-murid diasuh bagaimana untuk menyelesaikan sesuatu tugas dalam KM, maka pembelajaran KM akan lebih menjadi mudah dan menyeronokkan murid. Tidak akan ada isu murid-murid kurang aktif atau murid kurang berminat mempelajari KM jika kemahiran kerja berpasukan dijadikan aktiviti perbincangan dalam kalangan murid ketika mempelajari KM.

## 7.2 Perbezaan Kemahiran Generik Berdasarkan Jantina

Analisis perbezaan kemahiran generik berdasarkan jantina menunjukkan min murid perempuan (3.91) adalah lebih tinggi berbanding min murid lelaki (3.78). Hal ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan min yang signifikan antara kemahiran generik berdasarkan jantina di mana nilai  $t(295) = 2.236, p < 0.05$ . Dapatan ini dapat disokong dengan kajian yang dilakukan oleh Amiruddin *et al.* (2006). Berdasarkan kajian tersebut, didapati bahawa murid perempuan mempunyai min ( $M = 4.28, Sp = 1.71$ ) tahap kemahiran yang tinggi berbanding dengan min ( $M = 3.78, 1.32$ ) tahap kemahiran murid lelaki. Keadaan ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan ini di mana memang terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran generik berdasarkan jantina. Kajian kemahiran generik yang dijalankan oleh Anisah (2010) dan Umi Nadiyah (2011) mendapati murid perempuan lebih mempunyai kesedaran untuk menguasai kemahiran generik sewaktu berada di tahun satu berbanding murid lelaki. Responden juga didapati kurang menguasai kemahiran generik seperti komunikasi secara lisan, kemahiran bekerja dalam kumpulan, kemahiran berfikir secara kreatif dan sifat bertanggungjawab terhadap sesuatu perkara..

## 8.0 KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan untuk meninjau tahap penerapan kemahiran generik dalam kalangan murid tingkatan empat yang mengambil mata pelajaran KM sebagai subjek elektif di sekolah di daerah Tumpat, Kelantan. Melalui kajian, dapati dikenal pasti kemahiran generik yang mana banyak dikuasai dan kurang dikuasai murid ketika mempelajari KM. Dengan mengenal pasti kemahiran generik yang sesuai ini, ini dapat membantu guru KM menggunakan kaedah dan teknik yang terkini dalam proses penerapan kemahiran generik dalam kalangan murid. Proses P&P di sekolah akan dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan agar elemen kemahiran generik ini dapat dikuasai oleh semua murid semasa belajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu kelak.

## Rujukan

- Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman. 2003. *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum*. Ipoh, Perak: Quantum Books.
- Adnan Kamis, & Chew Fong Peng. 1998. Peranan Sastera Kebangsaan di dalam Pembentukan Integrasi Nasional di dalam Kerangka Pendidikan. *Kertas Kerja Seminar Pendidikan Kebangsaan*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 26–27 November.

- Amiruddin, *et al.* 2006. Perbezaan Dalam dimensi kemahiran generik pelajar baru KUSTEM. *National Student Development Conference (NASDEC) 2006*. 8–9.
- Anisah Alias. 2010. Penggunaan Instrument MyGSI dalam Mengukur Tahap Kemahiran Generik Pelajar Opsyen Bahasa Melayu di Sebuah IPTA dan IPG. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Dayang Aida Hj. Talin. 2010. Pendekatan pembelajaran Masteri dalam P&P Kesusasteraan Melayu di Brunei Darussalam. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Khairunnisak Hussain, *et al.* 2011. Menjana Minat Pelajar Terhadap Sastera Melalui Program Bunga-bunga Sastera. *Seminar Bahasa Melayu*. 223–232.
- Lizzio, A. & Wilson, K. 2004. *First Year Students' Perception of Capability*. Research In Higher Education. 29: 109–126.
- Mary Anne. 1996. Full Report Generic Skills Survey. University of Western Australia [Http://www.csd.uwa.edu.au/TI/Skills/Report.html](http://www.csd.uwa.edu.au/TI/Skills/Report.html).
- Mohamad Mohsin Mohamad Said & Nasaruddin Yunus. 2008. Halangan-Halangan Kepada Usaha Memupuk Kreativiti. *Prosiding Seminar Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial (SKIKS)*. Jld. 1: 89–96.
- Mohd Majid Konting. 2000. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mohd Safarin Nordin & Kamaruddin Md. Tahir. 2004. Kemahiran Generik: Kepentingan dalam Memenuhi Keperluan Majikan Masa Kini. Kertas Kerja Seminar Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Shah Rizal Othman. 2013. Pengajaran Kontekstual dalam Kalangan Guru Kesusasteraan Melayu. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Nazmi Yaakub. 2008. Memperkasakan Bahasa, Kesusasteraan Melayu. Berita Harian. 8 Jan 2008. Hlm. 5.
- Nik Nor Azimah Nek Ali. 2012. Amalan pengajaran dan Kemahiran Guru Cemerlang Kesusasteraan Melayu di Sekolah Menengah Negeri Kelantan: Satu Kajian Kes. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Noor Syazwani Roni. 2013. Penerapan kemahiran generik dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Nor Azilah Ahmad. 2008. Kerangka Teori kepimpinan semasa: Kajian terhadap isu dan cabaran. *Prosiding Seminar Kemahiran Insaniah Dan Kesejahteraan Sosial (SKIKS)*. Jld. 2: 131–147.
- Nordin Mat Ali. 2012. Pengetahuan Pedagogi Kandungan Guru Kesusasteraan Melayu: Satu Kajian Kes. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Normala, Zalika Hj. Hussin & Mohamad Kamil Ariff Khalid. 2005. Tahap Literasi Komputer Pelajar Sekolah Menengah di Kedah. *Jurnal Pendidikan*. 30: 129–139.
- Nur Aisyah Mohamad Noor. 2011. Pembangunan dan Penilaian Perisian PBBK (multimedia) novel *Istana Menanti* dalam Komponen Sastera Bahasa Melayu Tingkatan 1. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Nurazidawati Mohamad Arsad. 2011. Penyepaduan Kemahiran-kemahiran Abad ke-21 dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Biologi. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Nurul Ain Azmi. 2012. Penyepaduan Kemahiran Abad ke-21 dalam Pembelajaran Pelajar Ketika Belajar Kesusasteraan Melayu. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Othman Puteh. 2000. *Pengajaran Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. 1999. *Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000*. Bab 6 Pembangunan Sumber Manusia. Bil. 1/1999. ISSN.0128.8709 Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Robiah Sidin, *et al.* 2001. Pembudayaan sains dan teknologi: kesan pendidikan dan latihan di kalangan belia di Malaysia. *Jurnal Pendidikan*. 27: 35–45.
- Rodiah Idris, Siti Rahayah Ariffin & Noriah Mohd Ishak. 2008. Pemeriksaan Differential Item Functioning (DIF) Instrumen Pentaksiran Kemahiran Generik. *Seminar Psikologi dan Pembangunan Manusia*. Kuala Lumpur.
- Rohaida Mashudi *et al.* 2008. Kemahiran Berkomunikasi Melalui Kesantunan Berbahasa dalam Bekerja di Universiti Multimedia: Satu kajian lapangan. *Prosiding Seminar Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial (SKIKS)*. Jil. 1: 23–30.
- Shafee Abdul Hamid. 2012. Amalan Metakognitif dalam Kalangan Murid Ketika Belajar Komponen Sastera. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Sharmini Gnanaguru. Enhancing Student Literacy: Engaging The Reader In Young Adult Literature. Available Online: [Http://2003.learningconference.com/Otherconference/LearningCon.../Paperworkshop.html](http://2003.learningconference.com/Otherconference/LearningCon.../Paperworkshop.html) 23/8/2012.
- Umi Nadiha Mohd Noor. 2011. Penerapan Kemahiran Generik dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Umi Nadiha Mohd Nor. 2011. Penerapan Kemahiran Generik dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Zaitun Sidin & Doriyah Endut. 2011. Penggunaan Perisian Khusus dibekalkan Yyang Dibekalkan Kementerian Pelajaran Malaysia Oleh Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Bilik Darjah Di Sekolah-Sekolah Rendah zon Benut, Pontian. 2011. [Http://www.eprints.utm.my/11736/1/Penggunaan Perisian Khusus Yang Dibekalkan Kementerian Pelajaran Malaysia Oleh Guru. Pdf.html](http://www.eprints.utm.my/11736/1/Penggunaan%20Perisian%20Khusus%20Yang%20Dibekalkan%20Kementerian%20Pelajaran%20Malaysia%20Oleh%20Guru.pdf). (13 Mac 2011).
- Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. 2008. *Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran: Teori dan Praktis*. Shah Alam. Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Zamri Mahamod & Umi Nadiyah Mohd Nor. 2012. Persepsi Guru Bahasa Melayu Terhadap Penerapan Kemahiran Generik di dalam Kelas. *Jurnal Teknologi*. 59(2012): 9–19.
- Zamri Mahamod, Anisah Alias & Nur Ehsan Mohd Said. 2012. Perbandingan Kemahiran Generik Pelajar Opsyen Bahasa Melayu di sebuah IPTA dan IPG. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education*. 4 (1): 82–95.